



# UPNM

National Defence University of Malaysia

Kewajipan • Maruah • Integriti

---

## **GARIS PANDUAN PENUBUHAN *SPECIAL INTEREST GROUP* DALAM PENYELIDIKAN**

(TAHUN 2024)

---

Nama Garis Panduan : Garis Panduan Penubuhan <i>Special Interest Group</i> dalam Penyelidikan	
No. Daftar	: UPNM(TNCPI) 14.04/01 Jilid 3 (9)
Diluluskan oleh	: Lembaga Pengurusan Universiti
Tarikh Kuat Kuasa	: 9 Oktober 2024

## 1.0 PENGENALAN

*Special Interest Group* (SIG) adalah kumpulan penyelidik yang mempunyai fokus penyelidikan yang tertentu.

## 2.0 TUJUAN

Penubuhan SIG adalah bertujuan untuk menyediakan platform kepada penyelidik untuk menjalankan aktiviti penyelidikan, penerbitan, inovasi dan perundingan yang tertumpu kepada bidang penyelidikan yang tertentu.

Kumpulan penyelidikan yang akan ditubuhkan ini adalah penting bagi meningkatkan dan menyemarakkan aktiviti penyelidikan dalam kalangan pensyarah Universiti.

## 3.0 TAKRIFAN

- 3.1 Penyelidik  
Bermaksud Individu yang menjalankan penyelidikan.
- 3.2 Universiti  
Bermaksud Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
- 3.3 FPJB  
Bermaksud Fakulti/Pusat/Jabatan/Bahagian
- 3.4 Staf  
Bermaksud mana-mana individu yang dilantik oleh Universiti, secara sambilan atau sepenuh masa sama ada bertaraf tetap atau kontrak.
- 3.5 Pitching  
Bermaksud sesi pembentangan/lontaran idea/projek/servis/produk kepada industri, dengan harapan akan mendapat sokongan dan kerjasama yang memberikan manfaat kepada kedua-dua pihak. Ini termasuklah potensi perolehan dana, sumber, pengkomersilan dan promosi.

## 5.0 DOKUMEN BERKAITAN

Dokumen yang dirujuk sama adalah seperti berikut:

- a) Dasar dan Garis Panduan Penyelidikan
- b) Pekeliling Perbendaharaan
- c) Glosari *Malaysia Research Assessment (MyRA)*
- d) *Malaysia Code of Responsible Conduct in Research (MCRCR)*

## 6.0 SYARAT PENUBUHAN

- 6.1 Terbuka kepada **semua staf UPNM** (tetap dan kontrak) bergantung kepada kepakaran yang dimiliki.
- 6.2 Staf yang bercuti belajar adalah layak untuk menyertai mana-mana SIG bergantung kepada kepakaran yang dimiliki.
- 6.3 Ahli SIG boleh terdiri daripada fakulti/pusat yang berlainan mengikut keperluan.
- 6.4 Terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang ahli dan tidak melebihi lapan (8) orang ahli tetap.
- 6.5 Ketua SIG mestilah dilantik dalam kalangan ahli SIG dan merupakan staf Universiti.
- 6.6 Ahli penyelidik hendaklah dalam bidang yang bersesuaian dengan matlamat SIG tersebut.
- 6.7 Pelantikan penyelidik sebagai ahli tetap adalah dihadkan kepada tiga (3) SIG sahaja.
- 6.8 Sekiranya salah seorang ahli SIG menarik diri, pengisian kekosongan tersebut bergantung kepada keperluan selagi tidak menjejaskan keseluruhan fungsi SIG tersebut.
- 6.9 Tempoh penubuhan sesebuah SIG adalah maksimum tiga (3) tahun dan boleh diperbaharui tertakluk kepada *key performance indicator (KPI)*.

## 7.0 KEY PERFORMANCE INDICATOR (KPI)

KPI tahunan yang ditetapkan bagi SIG adalah seperti berikut:

Bil.	KPI	Bilangan
1.	Penerbitan dalam jurnal berindeks (WOS/SCOPUS/ERA)	2
2.	Penerbitan dalam jurnal tidak berindeks / Persidangan	2
3.	Permohonan geran penyelidikan	2
4.	Inisiatif inovasi*	1

\*Merangkumi pencapaian harta intelek/pameran/pertandingan/*pitching*/perjanjian kolaborasi

## 8.0 KAEDAH PERMOHONAN

- 8.1 Ketua SIG dikehendaki mengisi borang penubuhan yang ditetapkan oleh

Universiti dari masa ke semasa.

- 8.2 Semua permohonan hendaklah diteliti dan disokong di peringkat FPJB masing-masing atau Pusat Kecemerlangan Penyelidikan (CoE) tertentu sebelum dimajukan ke Bahagian Penyelidikan dan Inovasi.
- 8.3 Ketua SIG wajib membuat pembentangan di Jawatankuasa Kluster Penyelidikan Universiti berkenaan penubuhan SIG tersebut. Jawatankuasa Kluster Penyelidikan Universiti akan diketuai oleh seorang Ketua Domain / Pengerusi dan dianggotai oleh beberapa orang panel penilai/ahli jawatankuasa yang pakar dalam domain penyelidikan masing-masing. Ketua Domain / Pengerusi akan mencadangkan perakuan bagi SIG-SIG yang telah dinilai kepada BPI. Jawatankuasa ini akan memperakukan dan seterusnya kemukakan ke Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi Universiti (JPIU) untuk kelulusan.

## 9.0 PEMANTAUAN

- 9.1 Kumpulan SIG yang telah berdaftar akan dipantau oleh Bahagian Penyelidikan dan Inovasi melalui pelaporan Jawatankuasa Kluster di dalam Mesyuarat JPIU.

## 10.0 TARIKH KUATKUASA

Garis panduan ini berkuat kuasa daripada tarikh kelulusan LPU atau sebarang tarikh yang ditetapkan oleh LPU.

## 11.0 PEMAKAIAN

Garis panduan ini terpakai untuk semua staf Universiti.

Rekod Kelulusan		Kelulusan Kajian Semula
LPU	Bil. 3/2024 – 9 Oktober 2024	
EXCO	Bil. 4/2024 – 20 September 2024	
Senat	Bil. 7/2024 – 23 Oktober 2024	
JPIU	Bil. 2/2024 – 18 Julai 2024	

LAMPIRAN – CARTA ALIR PERMOHONAN PENUBUHAN SIG

